

# TLDM sasar 5,000 sertai

## Palapes-Laut

DE 24.11.2012 6

KOTA KINABALU: Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menyasarkan 5,000 keanggotaan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Laut (Palapes-Laut) bagi mencapai nisbah satu anggota Palapes kepada dua anggota TLDM.

Timbalan Panglima Tentera Laut Datuk Mohammed Noordin Ali berkata jumlah itu bagi meyakinkan TLDM terhadap kekuatan pasukan simpanannya apabila diperlukan kelak.

“Sekarang anggota Palapes hampir 3,000 manakala kekuatan TLDM kira-kira 15,000.

“Anggota Palapes merupakan orang yang terlatih dan mempunyai tahap disiplin yang tinggi,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Palapes-Laut Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Sementara itu, keanggotaan penuntut institut pengajian tinggi (IPT) dalam Palapes merupakan pilihan yang tepat kerana penuntut bukan sahaja dapat menimba ilmu ketenteraan sebagai persediaan untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM), malah latihan yang dijalankan menyeluruh dan anggota mampu menyumbang kepada mana-mana organisasi. - Bernama